

19 MAY 2000

Mahathir-Sukarelawan

SUMBANGAN SUKARELAWAN MEMBOLEHKAN BN MENANG PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 19 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kejayaan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum lepas bukan kerana kekuatannya semata-mata tetapi juga kerana pertolongan ramai individu yang tidak dikenali.

Beliau berkata kerana taat dan kasihnya mereka kepada negara maka individu terbabit yang terdiri daripada sukarelawan telah menjelajah ke seluruh pelusuk tanah air untuk memastikan BN memenangi pilihan raya umum.

"Walaupun mereka ini kerdil, mereka sanggup berkorban masa, tenaga, fikiran dan wang ringgit hanya untuk melihat BN terus memerintah tanah air kita," katanya dalam ucapan alu-aluan dalam buku cenderamata sempena majlis makan malam bagi meraikan Sukarelawan BN yang diadakan di sebuah hotel, di sini malam ini.

Sebanyak 500 sukarelawan menghadiri majlis makan malam berkenaan.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata anggota BN harus bersyukur dan berasa gembira kerana BN masih di hati warga negara kita yang prihatin terhadap nasib bangsa, negara dan agama.

"BN jelas masih diperlukan untuk meneruskan perjuangan memajukan bangsa dan negara yang masih belum selesai," katanya.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata sukarelawan terbabit adalah terdiri daripada pelbagai kaum termasuk Orang Asli yang datang dari seluruh negara.

"Saya dimaklumkan ramai di antara sukarelawan terbabit tidak mendaftar menjadi mana-mana anggota parti komponen BN," katanya.

Menurutnya, pengorbanan yang ditunjukkan oleh sukarelawan terbabit jelas membuktikan bahawa majoriti rakyat negara ini mementingkan suasana aman yang berasaskan kepada hubungan baik antara kaum.

Kerajaan BN akan terus memastikan negara ini sentiasa aman dan akan bertindak menghalang mana-mana pihak yang cuba mencetuskan huru hara dengan mengadakan demonstrasi, katanya.

Beliau berkata kerajaan tidak akan membenarkan kumpulan kecil mencetus huru hara semata-mata atas nama kebebasan demokrasi, sebaliknya ia lebih memberi keutamaan bagi menjaga kepentingan kumpulan majoriti yang telah menyokongnya dalam pilihan raya lepas.

Pada pilihan raya umum ke-10 pada 29 Nov lepas, BN memenangi 148 daripada 193 kerusi Parlimen.

--BERNAMA

NY RI